

Sila lampirkan Jadual Polisi

**POLISI EMPUNYA RUMAH/
ISI RUMAH ^{TARIF}**

Dokumen Penting - Sila simpan di tempat yang selamat

Ini Polisi anda. Sila baca dengan teliti dan simpan bersama-sama dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan insurans ini di tempat yang selamat supaya mudah dirujuk apabila perlu

Kandungan	Mukasurat
Perjanjian Kami	3
Apakah Yang Membentuk Polisi Ini	3
Kewajipan Anda Untuk Memberitahu Kami	3
Fasal Melindungi	4
Waranti Yang Digunapakai	4
Kejadian yang diinsuranskan	5
Manfaat Tambahan	6
Pengecualian Am	7
Bagaimana Kami Menyelesaikan Tuntutan Anda	8
Bagaimana Untuk Membuat Tuntutan	9
Tanggungjawab Anda	9
Bagaimana Polisi Anda Boleh Dibatalkan	10
Glosari	10
Warranti/Fasal/Pengendorsan	11

Lampiran - Manfaat Pilihan:-

Digunapakai untuk Bangunan sahaja:

Manfaat Pilihan No.1 - Perluasan untuk melindungi Isi kandungan rumah dan Perabut Tuan Tanah di dalam blok rumah pangsa/pangsapuri	12
Manfaat Pilihan No.2 - Insurans Kepingan Kaca	13
Manfaat Pilihan No.3 - Perluasan untuk melindungi kerugian atau kerosakan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada cerobong asap logam, tirai, bidai kajang, papan tanda dan lekapan dan lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar,	13
Manfaat Pilihan No.4 - Perluasan untuk melindungi terhadap pengubahan pembaikan dan penambahan (tetapi bukan kenaikan nilai melebihi Jumlah yang Diinsuranskan)	13

Digunapakai untuk Isi kandungan rumah:

Manfaat Pilihan No.5A - Perluasan untuk melindungi perlindungan terhadap kecurian tetapi tidak termasuk kecurian oleh pembantu rumah domestik atau mana-mana Ahli Keluarga atau Penghuni Rumah Anda	13
Manfaat Pilihan No.5B - Perluasan untuk melindungi kecurian termasuk oleh pembantu rumah domestik	14

Digunapakai untuk Bangunan dan / atau Isi kandungan rumah:

Manfaat Pilihan No.6 - Kenaikan had gantirugi tambahan di bawah Manfaat Tambahan E – Insurans Sewa	14
Manfaat Pilihan No.7 - Kenaikan had gantirugi di bawah Manfaat Tambahan F – Liabiliti kepada Awam	14
Manfaat Pilihan No.8 - Perluasan perlindungan terhadap Rusuhan, Mogok dan Niat Jahat	14
Manfaat Pilihan No.9 - Perluasan untuk melindungi Penenggelaman dan Gelinciran Tanah	15
Kenyataan Maklumat Polisi	16
Prosedur Aduan	16

POLISI EMPUNYARUMAH/ ISIRUMAH TARIF

PERJANJIAN KAMI

Terpakai bagi Kontrak Insurans Pengguna

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari **Premium** yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Pemohonan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Pemohonan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan pihak **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi yang terdapat dalam **Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui Antara **Anda** dan pihak **Kami**.

Terpakai bagi Kontrak Insurans Komersial

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari **Premium** yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan orang yang diinsuranskan (atau semasa orang yang diinsuranskan memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh orang yang diinsuranskan pada atau semasa penyerahan Borang Pemohonan orang yang diinsuranskan (atau semasa orang yang diinsuranskan memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang orang yang diinsuranskan berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara orang yang diinsuranskan dan Etiqa General Insurance Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "syarikat insurans"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan orang yang diinsuranskan atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh orang yang diinsuranskan, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans orang yang diinsuranskan, keengganan atau pengurangan gantirugi orang yang diinsuranskan perubahan terma atau penamatan kontrak insurans orang yang diinsuranskan.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara orang yang diinsuranskan dan pihak syarikat insurans.

APAKAH YANG MEMBENTUK POLISI INI

Insurans ini tidak melindungi diri **Anda** terhadap sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

Sila baca **Polisi** ini dengan teliti bagi memastikan **Anda** faham tentang apa yang dilindungi serta terma dan syarat yang digunapakai dan pastikan **Anda** berpuashati dengan perlindungan yang diberi.

Tajuk-tajuk yang tertera bukan sebahagian daripada kandungan **Polisi**.

Polisi, **Jadual** dan **Pengendorsan-pengendorsan** mesti dibaca bersama kerana ianya membentuk kontrak insurans **Anda**.

Polisi ini menetapkan apa yang dilindungi terhadap **Anda** seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual** dan keadaan di mana **Anda** dilindungi atau dicakupi.

Sesetengah perkataan dan pernyataan dicetak dalam **huruf tebal** kerana ianya mempunyai makna yang khusus di dalam **Polisi** ini. **Anda** boleh menyemak maknanya di bahagian Glosari.

Perlindungan insurans yang diperuntukan di bawah **Polisi** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada **Anda** mengamati dan memenuhi **sepenuhnya** terma-terma, peruntukan-peruntukan, **pengendorsan-pengendorsan** serta fasal-fasal **Polisi** ini.

KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

Kewajipan Pendedahan

Terpakai bagi Kontrak Insurans Pengguna

Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profession **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Pemohonan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) iaitu **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda** selaras dengan remedi di **Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Pemohonan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Terpakai bagi Kontrak Insurans Komersial

Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profession **Anda**, **Anda** mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda**.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Pemohonan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Notis Insurans yang Lain

Anda dikehendaki memberitahu **Kami** tentang insurans lain yang telah **Anda** beli ketika **Anda** membeli insurans ini dan juga semasa tempoh perlindungan **insurans** ini, yang melindungi mana-mana bahagian harta yang sama yang dilindungi di bawah **Polisi** ini.

Notis tersebut hendaklah diberi dan diendorskan oleh **Kami** di dalam **Polisi** ini sebelum **Kejadian** apa-apa kerugian atau kerosakan.

FASAL MELINDUNGI (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)

Kami akan melindungi Bangunan-bangunan dan/atau Isi Kandungan Rumah seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** **Anda** semasa tempoh **insurans**.

Perlindungan ini akan diberikan atas dasar bahawa **Anda** bersetuju untuk membayar **Kami Premium** bagi perlindungan insurans.

Sehubungan dengan apa-apa **Kejadian yang diinsuranskan** yang berlaku dalam **Tempoh Insurans** ini dan tertakluk kepada had-had, pengecualian dan syarat yang terkandung dan disahkan di dalam **Polisi**, **Kami** akan, melalui bayaran atau melalui pemulihan semula atau pembaikan, menggantikan rugi **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan kepada harta yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

Polisi ini melindungi **Anda** sehingga **Jumlah yang Diinsuranskan** sebagaimana tercatat di dalam **Jadual** untuk kerugian atau kerosakan terhadap bangunan **Anda** dan/atau Isi Kandungan Rumah **Anda** yang disebabkan oleh **Kejadian yang diinsuranskan**.

Jadual **Anda** akan menunjukkan samada **Anda** telah melindungi bangunan **Anda**, isi kandungan rumah **Anda** atau kedua-duanya.

Bangunan **Anda**

“**Bangunan**” bermakna bangunan rumah kediaman persendirian di mana **Premis** tersebut terletak termasuk:

- segala pejabat domestik, kandang kuda;
- garaj dan bangunan-bangunan luar yang digunakan semata-mata yang berkaitan dengannya dan di atas **Premis** yang sama;
- **Lekapan** dan **Lengkapan**;
- dinding, pintu pagar dan pagar di sekeliling **Premis**.

Kediaman Rumah Persendirian juga merujuk kepada Bangunan Rumah Pangsa dan Pangsapuri.

Apabila Blok Rumah Pangsa atau Pangsapuri dilindungi, Kediaman Rumah Persendirian akan merujuk kepada Kediaman Rumah Pangsa atau Pangsapuri.

Isi kandungan rumah **Anda**

“**Isi kandungan rumah**” bermakna segala jenis barangan rumah dan setiap **Barangan Peribadi** yang diuraikan, yang dipunyai oleh **Anda** atau mana-mana **Ahli Keluarga** **Anda** yang biasanya menghuni bersama **Anda** yang terkandung di Rumah Kediaman Persendirian, Rumah Pangsa atau Pangsapuri dan semua pejabat domestik, kandang kuda, garaj dan bangunan-bangunan luar domestik yang digunakan semata-mata berkaitan dengannya di atas **Premis** yang sama yang ditentukan di dalam **Jadual**.

Apa Yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
Isi kandungan rumah yang dilindungi adalah terhad kepada: a) Tidak ada satu barang pun (tidak termasuk perabut, pianos, organ, peralatan rumahtangga, radio, set televisyen, set perakam video, peralatan Hi-Fi) hendaklah dianggap mempunyai nilai lebih besar daripada lima (5) peratus daripada Keseluruhan Jumlah Yang Dilindungi ke atas Isi kandungan rumah kecuali barangan sedemikian secara khusus diisytiharkan sebagai butiran yang berasingan; b) Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu per tiga daripada Keseluruhan Jumlah yang Diinsuranskan ke atas Isi kandungan rumah.	Isi kandungan rumah yang dilindungi tidak termasuk: a) Mana-mana bahagian daripada struktur atau siling, kertas dinding atau yang seumpamanya; b) Harta yang Dilindungi di bawah Polisi yang lebih khusus; Suratikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, matawang kertas, nota bank, manuskrip, pingat dan duit syiling, kenderaan bermotor dan eksesor atau ternakan, kecuali secara khusus dinyatakan di dalam Jadual .

WARANTI YANG DIGUNAPAKAI (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN / ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)

Polisi ini adalah tertakluk kepada waranti-waranti berikut:

Waranti Larangan Barang Niaga

Tidak ada mana-mana bahagian **Premis** digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang niaga semasa **Tempoh Insurans** ini.

Premium

Premium yang perlu dibayar kepada **Kami** mesti dijelaskan dan diterima oleh **Kami** dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya **Polisi/Endorsemen/Polisi** pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak ini secara automatik adalah terbatal dan **Kami** berhak ke atas **Premium** pro rata sepanjang tempoh **Kami** menanggung risiko.

Apabila **Premium** yang perlu dibayar diterima oleh ejen **Kami** yang diberi kuasa, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai telah diterima oleh **Kami** bagi maksud **Waranti** ini.

Beban membuktikan bahawa **Premium** yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuklah ejen insurans yang tidak diberi kuasa untuk menerima **Premium** tersebut terletak pada **Kami**.

KEJADIAN YANG DIINSURANSKAN (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)	
Apa Yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
<p>Kami akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan dan/atau Isi kandungan rumah Anda yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kebakaran, Kilat, Petir, Kebakaran Bawah Tanah. 2) Letupan. 3) Pesawat atau Peranti Udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya. 4) Hentaman terhadap mana-mana bangunan: <ol style="list-style-type: none"> i) Untuk Kediaman Persendirian, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan: <ul style="list-style-type: none"> • Anda; atau • Ahli Keluarga Anda ii) Untuk Blok Rumah Pangsa Atau Pangsapuri, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan: <ul style="list-style-type: none"> • Anda; atau • Ejen atau pembantu rumah Anda atau • Mana-mana orang yang mendiami rumah pangsa, pangsapuri persendirian. 	<p>Kami tidak akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan dan/atau Isi kandungan rumah Anda yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:</p>
5) Pecahnya atau Melimpahnya Tangki, Peralatan atau Paip Air Rumah.	<ol style="list-style-type: none"> a) Amaun Lebihan yang dinyatakan dalam Jadual. b) Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika Rumah Kediaman Persendirian tidak dihuni.
6) Kecurian, tetapi jika di sertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar.	<ol style="list-style-type: none"> a) Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian tidak di huni lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu Tempoh Takaful, perlindungan ini akan diberhentikan sementara melainkan dipersetujui oleh Kami melalui Pengendorsan. b) Kerugian atau kerosakan akibat dari kecurian oleh pembantu rumah domestik Anda atau mana-mana Ahli Keluarga Anda.
7) Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin	<ol style="list-style-type: none"> a) Amaun Lebihan yang dinyatakan dalam Jadual. b) Kerugian atau kerosakan kepada: <ol style="list-style-type: none"> i) Mana-mana bangunan semasa dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan kecuali semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain adalah lengkap dan dilindungi; ii) Cerobong asap logam, bidai kajang, papan tanda Lekapan atau Kelengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar.
8) Gempa Bumi, Letupan Gunung Berapi	Amaun Lebihan yang dinyatakan dalam Jadual .
9) Banjir	<ol style="list-style-type: none"> a) Amaun Lebihan yang dinyatakan dalam Jadual. b) Kerugian atau kerosakan kepada bangunan yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi.
10) Rompakan dan Tahan di dalam Premis harta benda Anda .	

MANFAAT TAMBAHAN

Manfaat Tambahan disediakan untuk **Anda** tanpa sebarang **Premium** tambahan tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam **Polisi**.

Digunapakai sekiranya **Polisi** ini hanya melindungi Isi **Kandungan Rumah Anda**:

(A) Harta Yang Dipindahkan Sementara	
Apa Yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
<p>Anda dilindungi di bawah Kejadian yang diinsuranskan apabila kandungan isirumah dipindahkan sementara daripada kediaman persendirian Anda tetapi masih dalam kawasan Geografi, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah Polisi insurans lain.</p> <p>Had tanggungan di bawah manfaat ini adalah 15% daripada Keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas isi kandungan rumah.</p>	<p>a) Isi kandungan rumah yang dipindahkan untuk jualan atau pameran;</p> <p>b) Isi kandungan rumah yang diletakkan di tempat simpanan perabut;</p> <p>c) Kerugian akibat Kejadian yang diinsuranskan item 7 (Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin), Kejadian yang diinsuranskan item 8 (Gempa Bumi, Letupan Gunung Berapi) dan Kejadian yang diinsuranskan item 9 (Banjir) ketika isi kandungan rumah dalam transit.</p>
B) Kerosakan Pada Cermin Kaca	
<p>Anda dilindungi untuk kepecahan kepada cermin ketika di dalam kediaman persendirian.</p> <p>Had tanggungan Kami adalah RM500.00 sekeping setiap kemalangan.</p>	<p>a) Cermin Bimbit</p>
C) Pampasan Untuk Kematian	
<p>Anda dilindungi terhadap kecederaan maut (kematian) yang terjadi dalam Rumah Kediaman Persendirian akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar selepas kecederaan sedemikian.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) nama yang Dilindungi, Kami akan bertanggungjawab hanya pada satu kadar bahagian setimpal pampasan. Untuk sebuah badan Korporat, Anda mestilah menamakan seorang atau lebih dan nama-nama ini hendaklah dikemukakan kepada Kami.</p> <p>Had tanggungan yang dibenarkan untuk manfaat ini adalah jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual atau satu setengah daripada Keseluruhan Jumlah yang Diinsuranskan ke atas isi kandungan rumah, yang mana lebih rendah.</p>	
D) Harta Pembantu Rumah	
<p>Anda dilindungi ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Kejadian Yang Diinsuranskan terhadap pakaian dan Barangan Peribadi kepunyaan pembantu rumah domestik Anda, yang tinggal bersama Anda atau mana-mana Ahli Keluarga Anda dalam kawasan Geografi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah Polisi insurans lain.</p>	<p>Wang tunai, matawang kertas, nota bank dan setem.</p>

Digunapakai sekiranya **Polisi Anda** melindungi Bangunan dan/ Isi Kandungan Rumah **Anda**

E) Insurans Sewa	
Apa Yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
<p>Selaku tuannya, Anda dilindungi untuk kerugian sewa sekiranya Rumah Kediaman Persendirian Anda seperti yang dinyatakan di dalam Jadual tidak boleh dihuni akibat daripada Kejadian Yang Diinsuranskan bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.</p> <p>Selaku Penghuni, Kami akan membayar perbelanjaan tambahan yang munasabah yang perlu ditanggung olehnya semasa di sesebuah hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan – akibat daripada sesuatu Kejadian Yang Diinsuranskan, bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.</p> <p>Had liabiliti keseluruhan tidak melebihi sepuluh (10) peratus daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas Bangunan dan/atau isi kandungan rumahnya.</p> <p>Manfaat ini adalah tambahan kepada Keseluruhan Jumlah yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.</p>	

F) Liabiliti Kepada Awam

Apa Yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
<p>Kami akan mengganti rugi Anda atau pasangan Anda terhadap liabiliti undang-undang dimana Anda mungkin dipertanggungjawabkan berhubung dengan kemalangan atau siri kemalangan yang terjadi dari satu Kejadian, dalam Tempoh Insurans pada harta atau kecederaan anggota badan kepada mana-mana orang yang bukan merupakan Ahli Keluarga, Penghuni Rumah atau yang berkhidmat dengan Anda:</p> <p>a) Liabiliti selaku tuanpunya bangunan yang disebabkan oleh kecacatan di dalam bangunan.</p> <p>b) Liabiliti selaku Penghuni yang disebabkan oleh kemalangan di dalam atau sekitar Rumah Kediaman Persendirian.</p> <p>Had liabiliti Kami tidak dalam apa jua hal melebihi jumlah yang ditetapkan di dalam Jadual.</p> <p>Kami akan membayar gantirugi kepada Anda dan Pasangan:</p> <p>i) Sebarang kos perundangan dan perbelanjaan yang boleh diperolehi semula daripada Anda atau pasangan oleh mana-mana pihak yang menuntut dengan syarat kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung sebelum tarikh Kami sepatutnya telah membayar atau menawarkan untuk membayar samada amaun penuh tuntutan tersebut atau jumlah amaun yang boleh diperolehi semula yang berkaitan dengan mana-mana satu Kejadian.</p> <p>ii) Kos perundangan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Anda atau Pasangan dengan persetujuan Kami.</p> <p>Jika bangunan-bangunan adalah untuk Blok Rumah Pangsa atau Pangsapuri, gantirugi Kami kepada Anda adalah terhad kepada liabiliti sah bagi tuntutan yang di buat terhadap Anda selaku pemilik Bangunan, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, tetapi bukan sebagai penghuni yang mendiami mana-mana bahagian bangunan berhubung dengan apa-apa kemalangan yang berlaku semasa Tempoh Insurans.</p> <p>Kami akan membayar gantirugi kepada wakil sah peribadi Anda sekiranya berlaku kematian kepada Anda berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh Anda atau Pasangan Anda dengan syarat wakil sah peribadi Anda mematuhi dan memenuhi dan tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat serta had-had di dalam Polisi.</p>	<p>a) Sebarang tuntutan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap Anda atau pasangan Anda, di mana-mana mahkamah negara-negara diluar Malaysia.</p> <p>b) Semua kos perundangan dan perbelanjaan yang mana tidak ditanggung atau boleh diperolehi semula di Malaysia.</p> <p>c) Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau sampingan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pemunyaan, pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Anda atau pasangan Anda berkait akan sebarang lif, kenderaan atau kapal walau apapun jenisnya; • Menjalankan kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada bangunan Anda; • Kerosakan kepada harta oleh kebakaran penanggalan atau letupan (selain dari letupan yang diakibatkan oleh dandang domestik) yang diletakkan kepada rumah pangsa dan pangsapuri individu dalam Bangunan yang Dilindungi; • Apa-apa perjanjian kontrak; • Asbestos atau pendedahan atau potensi terdedah kepada asbestos, apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar atau yang dianggap berkaitan dengan asbestos melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pemuangan atau penghindaran dari asbestos; • Mana-mana bahagian Bangunan yang Dilindungi yang digunakan berkaitan dengan pekerjaan atau perniagaan Anda.

PENGECCUALIAN AM

Anda tidak akan dilindungi di bawah keadaan-keadaan berikut:

Pengecualian Am 1

Kami tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
- b) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insurreksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
- c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletak orang awam atau sebahagian orang awam berada di dalam ketakutan.

Sebarang kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat mana-mana satu **kejadian** tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana **Kejadian** tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau suatu kontigensi yang tidak dilindungi oleh insurans ini, melainkan **Anda** boleh membuktikan kerugian, kerosakan atau kontigensi lain tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Di dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain, di mana, apabila **Kami** mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban untuk membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi adalah bergantung kepada **Anda**.

Pengecualian Am 2

Kami tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan:

- a) api nuklear atau apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan Pengecualian ini pembakaran yang disebabkan oleh pemberhentian kerja, atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada

- harta dengan perintah kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan Negara atau kawasan terletak harta tersebut;
- b) kepada harta melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan;
- c) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
- d) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.

Pengecualian Am 3

Kami tidak akan melindungi apa-apa jenis **Kerugian Turutan** atau kerosakan kecuali Insurans Sewa.

Pengecualian Am 4

Kami tidak akan melindungi apa-apa **Penyakit Berjangkit** atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu **Penyakit Berjangkit**.

BAGAIMANA KAMI MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)

Kepentingan Boleh Insurans

Hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan daripada **Kami** kecuali jika berlaku kematian kepada **Anda** atau melalui kuatkuasa undang-undang, penukaran kepentingan insurans ini kepada orang lain hanya boleh berkuatkuasa setelah **Kami** mengendors **Polisi** ini.

Tidak Ada Hak untuk Membuat Tuntutan Daripada Orang Lain

Ketika **Polisi** ini melindungi harta milik **Keluarga Anda** atau pembantu rumah domestik, hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan bagi pihak mereka.

Terhad kepada Tiga (3) Tetamu Berbayar sahaja

Polisi ini adalah sah jika bilangan tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan tidak melebihi tiga (3) orang.

Bagi maksud Manfaat Tambahan – F) Liabiliti Kepada Awam, tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan sedemikian adalah dianggap sebagai Ahli **Keluarga Anda**.

Nilai Pasaran

Kami akan mengganti rugi **Anda** nilai yang Dilindungi atau **Nilai Pasaran** bagi harta yang Dilindungi yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang **lebihan**.

Nilai Pasaran bermaksud nilai ke atas harta yang Dilindungi pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana **Haus** dan **Lusuh** dan/atau **Susutnilai**.

Nilai pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh **Kami** daripada:

- pembuat, atau
- ejen tunggal yang sah atau ejen, atau
- broker yang sah, pengedar yang sah, atau
- kontraktor bangunan, atau
- penyelaras kerugian berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, atau
- Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Estet 1981 yang dilantik secara bersama di antara **Anda** dan **Kami**.

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap **Kami**.

Liabiliti Maksimum Kami

Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** kepada **Anda** berkenaan dengan kerugian atau kerosakan di dalam mana-mana satu **Tempoh Insurans** tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan terhadap setiap butiran atau secara agregat Keseluruhan **Jumlah Yang Diinsuranskan** yang dinyatakan secara khusus di dalam **Jadual** atau jumlah lain yang disahkan di dalam **Polisi**.

Purata

Jika nilai pasaran harta yang diinsuranskan secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada **Jumlah Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**, maka **Anda** hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang diinsuranskan.

Lebihan

Bagi kerugian atau kerosakan (kecuali akibat kebakaran) kepada Bangunan Rumah Kediaman Persendirian oleh mana-mana **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang tertakluk kepada **Lebihan**, **Lebihan** diguna pakai secara berasingan kepada:

- a) setiap bangunan. Semua bangunan di dalam **Premis** yang sama seperti yang dinyatakan di dalam **jadual** adalah dianggap sebagai satu bangunan.
- b) setiap insiden. Jika **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang sama berlaku dalam masa tujuh (7) hari berturut-turut, ia adalah dianggap insiden yang sama.

Insurans Lain

Jika terdapat sebarang **Polisi** lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, **Kami** hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

Subrogasi

Kami berhak untuk melaksanakan di atas nama **Anda** dan bagi pihak **Anda**:

- pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
- mendapatkan kembali pampasan atau **Gantirugi** dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah **Polisi** ini.

di atas perbelanjaan dan manfaat **Kami** sendiri.

Penipuan

Kami tidak akan membayar sekiranya tuntutan **Anda** dibuat dengan cara penipuan oleh **Anda** atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda**.

Hak Akses dan Kawalan

Apabila berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan **Kami** berhak untuk:

- memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian dan kerosakan tersebut telah berlaku;
- mengambil dan mengekal milik harta yang Dilindungi;
- menguruskan sisaan harta yang diinsuranskan yang telah rosak.

Walau bagaimanapun **Anda** tidak boleh meninggalkan harta yang Dilindungi yang telah rosak itu kepada **Kami**.

Timbangtara

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai amaun kerugian dan kerosakan di antara **Anda** dan **Kami**, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Jika **Anda** dan **Kami** tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak **Anda** dan **Kami** layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang **Wasit** untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan award hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat award.

Anda dan **Kami** dengan jelas bersetuju bahawa award oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum **Anda** boleh memulakan prosiding guaman terhadap **Kami**.

Klausu Pengecualian dan Had Sekatan

Polisi ini tidak akan memberi perlindungan dan **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini sekiranya peruntukan perlindungan, pembayaran sebarang tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan **Kami** kepada mana-mana sekatan, larangan atau halangan di bawah ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau mana-mana negerinya, dan / atau mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkaitan. **Kami** boleh menamatkan **Polisi** ini dengan serta-merta dan selepas itu tidak perlu menjalankan apa-apa urusan perniagaan dengan **Anda** berkaitan dengan **Polisi** ini.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN (DIGUNAPAKAI UNTUK KEGUNAAN BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)

Notis dan Bukti Tuntutan

Anda hendaklah dengan segera memberitahu **Kami** secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan:

- dalam tempoh 30 hari selepas **kejadian** dan di atas perbelanjaan **Anda** sendiri, menyerahkan kepada **Kami** tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti-bukti munasabah sebagaimana yang **Kami** perlukan.
- bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri, **Anda** mestilah membuat laporan polis dengan segera.

Pelan-pelan Bangunan

Sekiranya **Kami** memilih untuk memulihkan semula mana-mana bangunan, **Anda** hendaklah menyediakan kepada **Kami**, pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi dan kuantiti-kuantiti sebagaimana yang mungkin di kehendaki **Kami**.

Tuntutan Liabiliti

Anda hendaklah apabila menerima sebarang notis mengenai apa-apa kemalangan atau tuntutan dari pihak-pihak lain, memberikan notis secara bertulis dengan segera kepada **Kami** dan menyediakan butir-butir penuh secara bertulis kepada **Kami** secepat yang mungkin.

Anda hendaklah menghantar kepada **Kami** dengan segera apa-apa writ, saman atau lain-lain proses perundangan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap **Anda** serta menyediakan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan bagi membolehkan **Kami** untuk menyelesaikan atau menghalang apa-apa tuntutan atau untuk memulakan prosiding.

Anda tidak boleh tanpa keizinan bertulis daripada **Kami**:

- mengakui atau menyangkal apa-apa tuntutan atau liabiliti;
- menawar atau berunding untuk membayar tuntutan.

TANGGUNGJAWAB ANDA (DIGUNAPAKAI UNTUK KEGUNAAN BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAH)

Tanggungjawab Untuk Mengambil Langkah Berhati-hati

Anda hendaklah menggunakan segala usaha dan kecermatan yang munasabah bagi menyelenggara **premis** tersebut dalam keadaan sesuai untuk dibaik pulih. Sebagai tuan-punya Kediaman **Persendirian**, **Anda** hendaklah membaiki secepat mungkin apa-apa kecacatan yang ditemui dan pada masa yang sama, mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan, kerugian dan kerosakan.

Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan, kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kegagalan **Anda** untuk memulihkan kecacatan itu selepas menerima notis daripada **Kami** atau daripada mana-mana orang atau badan awam.

Bayaran Jumlah yang Diinsuranskan

Selepas sesuatu kerugian, **Jumlah** penuh yang **Diinsuranskan** di bawah insurans ini hendaklah dikekalkan.

Anda adalah dikehendaki untuk membayar **Premium** tambahan secara pro rata berdasarkan jumlah kerugian yang dihitung dari tarikh kerugian tersebut sehingga tarikh tamat insurans.

Fasal Polisi Tanpa Nilai

Ini adalah suatu **Polisi** tanpa nilai. **Anda** mestilah membuktikan sehingga syarikat insurans berpuashati akan nilai atau jumlah sebenar harta pada masa berlakunya kemusnahan tersebut.

BAGAIMANA POLISI ANDA BOLEH DIBATALKAN (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGAN RUMAHNYA)

Anda boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada **Kami**. **Anda** berhak untuk mendapat bayaran balik **Premium** setelah **Kami** caj kepada **Anda** berdasarkan **Kadar Jangka Pendek Lazim** atau **Premium** minimum yang harus dibayar di bawah **Polisi** ini, yang mana lebih tinggi.

Kami juga boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberi **Anda** notis tujuh hari secara bertulis dan akan memulangkan **Premium** secara pro rata untuk **tempoh insurans** yang belum tamat.

GLOSARI

Setengah-setengah perkataan dan ungkapan di dalam **Polisi** ini mempunyai makna yang spesifik seperti di bawah. Setiap perkataan yang muncul dicetak dalam huruf tebal.

“**Kerugian Turutan**” bermakna kerugian kewangan.

“**Kontrak Insurans Pengguna**” bermaksud insurans sepenuhnya yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion orang yang diinsuranskan.

“**Penyakit Berjangkit**” bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:

- a) bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakterium, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak;
- b) cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, cara jangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma; dan
- c) penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta yang dilindungi di bawah ini.

“**Susutnilai**” bermakna pengurangan dalam nilai barangan atau harta akibat **haus dan lusuh**.

“**Pengendorsan**” bermakna perubahan secara bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had **Polisi** yang ditunjukkan di dalam **Jadual**.

“**Hakisan**” bermakna yang dipakai atau dihanyutkan oleh air atau angin.

“**Lebihan**” bermakna jumlah yang **Anda** perlu bayar terhadap tuntutan sebelum **Kami** membayar. Jumlah ini akan dinyatakan di dalam **Jadual** atau pada apa-apa Manfaat Pilihan.

“**Banjir**” bermakna limpahan atau lencungan dari saluran biasa sama ada secara semulajadi atau buatan, pecahan atau melimpahnya saluran utama air awam dan sebarang aliran lain atau pengumpulan air yang berasal dari luar bangunan.

“**Keluarga**” dan “**Penghuni Rumah**” bermakna mana-mana orang yang selalunya menghuni dengan **Anda**.

“**Lekapan atau Lengkapan**” bermakna barangan yang kekal melekat pada bangunan **Anda**.

“**Ganti Rugi**” bermakna meletakkan **Anda** kembali ke kedudukan kewangan yang asal sebagaimana sebelum kerugian.

“**Kejadian Yang Diinsuranskan**” bermakna salah satu peril yang disenaraikan di dalam **Polisi** ini.

“**Kontrak Insurans Komersial**” bermaksud insurans bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion orang yang diinsuranskan.

“**Kejadian**” bermakna waktu sebenar insiden itu berlaku.

“**Terbuka**” bermakna di mana-mana bahagian **Premis** yang tidak tertutup sepenuhnya oleh dinding dan bumbung, juga bangunan-bangunan luar di atas **Premis** bangunan tersebut yang tidak dapat dicagar.

“**Tempoh Insurans**” bermakna tempoh di mana **Anda** Dilindungi. Ia bermula pada masa **Kami** bersetuju untuk memberi perlindungan kepada **Anda** dan berakhir pada tengah malam hari insurans itu tamat. Tarikh tamat ada ditunjukkan di dalam **Jadual**.

“**Barangan Peribadi**” bermakna barangan milik peribadi yang selalu dipakai atau dibawa oleh seseorang untuk kegunaannya sendiri, sebagai contoh, pakaian, jam tangan dan dompet.

“**Kepingan Kaca**” bermakna kaca yang dipasang pada struktur bangunan.

“**Polisi**” bermakna kontrak insurans **Anda** yang mengandungi pernyataan **Polisi** ini dan **Jadual**.

“**Premium**” bermakna sebarang jumlah yang **Kami** minta **Anda** bayar di bawah **Polisi** ini dan termasuk caj kerajaan.

“**Rompakan dan Tahan**” bermakna harta benda dilindungi sama ada diambil atau diserahkan; kedua-dua keadaan disebabkan paksaan, ancaman atau ugutan keganasan fizikal yang dibuat terhadap **Anda**, atau mereka yang tinggal dengan **Anda** dalam rumah yang sama, atau orang lain yang dibenarkan berada di **Premis Anda**.

“**Jadual**” bermakna **Jadual Polisi** di mana kedua-dua butiran yang Dilindungi dan **Jumlah Yang Diinsuranskan** dinyatakan.

“**Cagar**” bermakna dikunci untuk menghalang kemasukan melainkan jika menggunakan kekerasan.

“**Premis**” bermakna tanah di alamat yang ditunjukkan di dalam **Jadual** di mana bangunan itu di bina, termasuk kawasan atau taman yang digunakan untuk tujuan domestik.

“**Jumlah Yang Diinsuranskan**” bermakna amaun **Anda** Dilindungi sama ada bangunan **Anda**, Isi kandungan rumah **Anda** (termasuk kandungan ditentukan) seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual**. Ini juga termasuk Manfaat Tambahan dan apa-apa Manfaat Pilihan oleh **Anda**.

“Kadar Jangka Pendek Lazim” bermakna seperti berikut:

Tempoh tidak melebihi	Kadar Peratusan yang Dicaj
15 hari	10% dari kadar tahunan
1 bulan	20% -sama-
2 bulan	30% -sama-
3 bulan	40% -sama-
4 bulan	50% -sama-
5 bulan	60% -sama-
6 bulan	70% -sama-

Tempoh tidak melebihi	Kadar Peratusan yang Dicaj
7 bulan	75% -sama-
8 bulan	80% -sama-
9 bulan	85% -sama-
10 bulan	90% -sama-
11 bulan	95% -sama-
12 bulan	100% --sama-

“Warranti” bermakna sekatan atau kewajipan yang dikenakan terhadap **Anda** di dalam **Polisi**. Pemungkaran waranti akan melayakkan **Kami** untuk menolak tuntutan **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan atau liabiliti.

“Haus dan Lusuh” bermakna kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau penyelenggaraan yang kurang.

“Kami” bermakna syarikat insurans.

“Anda” bermakna orang yang dinamakan di dalam **Jadual** iaitu **Orang Yang Diinsuranskan**.

WARANTI/FASAL/PENGENDORSAN BERIKUT DITERIMA PAKAI SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM JADUAL

C008 PENGECUALIAN TAPAK BANGUNAN

Insurans ke atas bangunan tidak termasuk mana-mana bahagian yang lebih rendah daripada permukaan bawah tingkat terbawah sekali (dan bahagian tapak konkrit untuk alatan mesin yang mengatasi paras sedemikian).

C42B PENGENALPASTIAN TARIKH

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa polisi ini telah dipinda seperti berikut:

- A. Syarikat insurans tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, Kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, media mikrochip, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), sirkit integrasi atau peranti serukpa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Orang Yang Diinsuranskan atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:
 1. mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar;
 2. merakam, menyimpan, mengekalkan dan/atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dan mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalendar sebenar dan/atau;
 3. merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dan operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
- B. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa syarikat insurans tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peranti dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam A di atas.
- C. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa syarikat insurans tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk hilang keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh Orang Yang Diinsuranskan atau untuk Orang Yang Diinsuranskan atau untuk Orang Yang Diinsuranskan atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa syarikat insurans tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalendar sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung sedemikian atau kerugian turutan yang dirujuk dalam A, B, C atau D di atas, adalah dikecualikan tidak mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Polisi.

C045 FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Polisi ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal ke atas jirim harta. Kerosakan fizikal ke atas jirim harta hendaklah tidak termasuk kerosakan ke atas data atau perisian, terutama sekali apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kecemaran atau kecacatan bentuk asal. Oleh kerana itu perkara berikut tidak termasuk dalam Polisi ini.

- A. Kerugian atau kerosakan ke atas data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kecemaran atau kecacatan bentuk asal, dan apa-apa kerugian gangguan pemiagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian.

Walauapapun pengecualian ini kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, yang diakibatkan secara langsung oleh kerosakan fizikal yang dilindungi ke atas jirim harta, hendaklah dilindungi.

- B. Kerugian atau kerosakan diakibatkan daripada kerosakan fungsi, ketersediaan, kepelbagaian penggunaan atau pencapaian data, perisian atau program komputer, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian dan kerosakan sedemikian.

M014 PENGENDORSAN PENYAKIT BERJANGKIT

- A. Polisi ini, tertakluk kepada semua terma, syarat dan pengecualian yang berkaitan, melindungi kerugian yang berpunca dari kehilangan fizikal terus atau kerosakan fizikal yang berlaku semasa tempoh diinsuranskan. Oleh itu walaupun terdapat peruntukan lain yang bertentangan dalam polisi ini, polisi ini tidak akan melindungi sebarang kehilangan, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa-apa jua perbelanjaan, secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, berpunca daripada, akibat daripada, menyumbang kepada atau berkaitan dengan (tanpa menghiraukan sama ada ia terjadi serentak atau dalam apa sahaja turutan) sesuatu **Penyakit Berjangkit** atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu **Penyakit Berjangkit**.
- B. Bagi tujuan pengesahan ini, kehilangan, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa-apa jua perbelanjaan termasuk, dan tidak terhad kepada, kos pembersihan, detoksifikasi, menyahkan, pengawasan atau ujian:
- untuk sesuatu **Penyakit Berjangkit**, atau
 - sebarang harta yang diinsuranskan di bawah ini yang terjejas akibat **Penyakit Berjangkit** sedemikian.

PERUBAHAN KEPADA PERCUKAIAN, PERATURAN DAN PERUNDANGAN

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Polisi ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Polisi ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Polisi ini perlu diubah.

Lampiran:

Nota: (Dicadangkan hanya Manfaat Pilihan yang telah dipilih oleh orang yang diinsuranskan dimasukkan ke dalam jaket Polisi).

MANFAAT PILIHAN

Dengan **Premium** tambahan, **Polisi Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi Bangunan dan/atau Isi Kandungan Rumah yang Diinsuranskan. Manfaat Pilihan akan dinyatakan di dalam **Jadual** sekiranya **Anda** memilih untuk mengambalnya.

Digunapakai Untuk Bangunan

Manfaat Pilihan No. 1 – Perluasan untuk melindungi Isi kandungan rumah dan Perabut Tuan Tanah di dalam blok rumah pangsa/pangsapuri (N.B. Manfaat ini hanyalah untuk Tuan Tanah sahaja)

Apa Yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
<p>Sebagai pemilik bangunan, Kami akan melindungi Anda dengan jumlah RM..... sebagai nilai penuh barangan isirumah dan perabut milik Anda. Jumlah ini akan digunapakai dengan kadar yang sama rata untuk setiap unit rumah pangsa/pangsapuri persendirian.</p> <p>Kejadian yang diinsuranskan untuk kerugian atau kerosakan kepada barangan isi rumah dan perabut Tuan Tanah di bawah perluasan ini adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Kebakaran, Kilat, Petir, Kebakaran Bawah Tanah. 	<ol style="list-style-type: none"> Segala jenis barangan isirumah, perabut atau Barangan Persendirian yang dibawa ke dalam rumah pangsa persendirian oleh penyewa. Barangan emas atau perak.
<ol style="list-style-type: none"> Letupan. 	
<ol style="list-style-type: none"> Pesawat dan Peranti Udara yang lain atau sebarang benda yang gugur daripadanya. 	
<ol style="list-style-type: none"> Hentaman terhadap mana-mana bangunan oleh sebarang kenderaan jalanraya atau binatang bukan kepunyaan atau di bawah kawalan: <ul style="list-style-type: none"> Anda atau ejen atau pembantu rumah Anda. Sesiapa yang tinggal di rumah pangsa/pangsapuri persendirian atau ejen atau pembantu rumahnya. 	
<ol style="list-style-type: none"> Pecahnya atau Melimpahnya Tangki, Peralatan atau Paip Air Rumah. 	<ol style="list-style-type: none"> Amaun Lebihan yang dinyatakan dalam Jadual. Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika rumah pangsa/pangsapuri persendirian tidak dihuni.
<ol style="list-style-type: none"> Kecurian tetapi jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan berkaitan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar. 	
<ol style="list-style-type: none"> Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin 	
<ol style="list-style-type: none"> Gempabumi, Letusan Gunung Berapi 	

<p>9. Banjir, termasuk limpahan air laut.</p> <p>Untuk Manfaat Tambahan E) Insurans Sewa, amaun ini akan ditambah kepada Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas Bangunan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.</p> <p>Manfaat Tambahan F) Liabiliti kepada Awam kini merangkumi perlindungan untuk kemalangan yang disebabkan oleh kecacatan pada barangan isirumah dan perabot kepunyaan Tuan Tanah.</p>	
<p>Manfaat Pilihan No. 2 – Insurans Kepingan Kaca</p>	
<p>Insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerosakan tidak sengaja kepada Kepingan Kaca yang terjadi sepanjang Tempoh Insurans untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengganti Kepingan Kaca yang pecah dengan kaca yang sama buatan atau kualiti atau mengikut pilihan Kami, Kami akan membayar kepada Anda kos penggantian tersebut tertakluk kepada jumlah maksimum RM1,000.00 bagi sekeping kaca. 2. Membayar kos untuk menutupi pecahan tersebut yang mana Kami bertanggungjawab ke atasnya. 	<ol style="list-style-type: none"> a) Pecahan atau kerosakan terhadap bingkai atau rangka bingkai dalam apa keterangan sekalipun; b) Kos bagi mengalih atau mengganti mana-mana Lekapan atau Lengkapan; c) Gelas pecah di rumah kaca, rumah hijau atau bangunan luar; d) Pemecahan gelas yang pecah atau rosak ketika bermulanya insurans ini; e) Mana-mana Kerugian Turutan.
<p>Manfaat Pilihan No. 3 – Perluasan untuk melindungi kerugian atau kerosakan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada cerobong asap logam, tirai, bidai kajang, papan tanda dan lekapan dan lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar</p>	
<p>Insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan kepada cerobong asap logam, tirai, bidai kajang, papan tanda dan Lekapan dan Lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar di bawah Kejadian Yang Diinsuranskan 7(b).</p>	
<p>Manfaat Pilihan No. 4 – Perluasan untuk melindungi terhadap pengubahan, pembaikan dan penambahan (tetapi bukan kenaikan nilai melebihi Jumlah yang Diinsuranskan)</p>	
<p>Insurans ini diperluaskan untuk melindungi pengubahan, pembaikan dan penambahan (tetapi bukan kenaikan nilai melebihi Jumlah Yang Diinsuranskan) kepada Bangunan bagi jumlah tidak melebihi 25% ke atas Jumlah Keseluruhan Yang Dilindungi ke atas Bangunan.</p> <p>Manfaat Tambahan F) Liabiliti kepada Awam kini merangkumi perlindungan terhadap liabiliti yang timbul daripada atau secara sampingan oleh kerja-kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada bangunan.</p>	

Digunapakai Untuk Isi Kandungan Rumah

<p>Manfaat Pilihan No. 5A – Perluasan untuk melindungi perlindungan terhadap kecurian tetapi tidak termasuk kecurian oleh pembantu rumah domestik atau mana-mana Ahli Keluarga atau Penghuni Rumah Anda</p>	
<p style="text-align: center;">Apa Yang Dilindungi</p> <p>Kejadian yang diinsuranskan No. 6 kini di baca seperti berikut:</p> <p>Kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri.</p> <p>Untuk isi kandungan rumah yang dialihkan sementara, kecurian hanya dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> i) di mana-mana bank, peti simpanan keselamatan atau kediaman persendirian yang dihuni; ii) di dalam mana-mana bangunan di mana Anda atau mana-mana Ahli Keluarga Anda menghuni; iii) di dalam proses pengalihan dari atau ke mana-mana bank atau peti simpanan semasa di dalam tanggungan Anda, salah seorang Ahli Keluarga Anda atau seseorang yang telah diberi kuasa. <p>Untuk harta yang dialihkan sementara ke tempat lain selain i), ii) dan iii) di atas, isi kandungan rumah hanya akan dilindungi terhadap kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri sekiranya kecurian tersebut disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.</p>	<p style="text-align: center;">Apa Yang Tidak Dilindungi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. (a) Jika bangunan atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewa atau disewa semula. (b) Kecurian dari mana-mana bangunan luaran yang bukan secara langsung bersambung dengan rumah kediaman persendirian atau rumah pangsa/pangsapuri/kondominium persendirian. (c) Kecurian harta pembantu rumah selain daripada rumah kediaman persendirian Anda atau rumah pangsa/pangsapuri/ kondominium persendirian. <p>KECUALI disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Kecurian dari Tempat Terbuka. 3. 1% yang pertama daripada Jumlah Yang Diinsuranskan atau RM250.00, yang mana lebih rendah. . 4. Kecurian oleh pembantu rumah domestik Anda atau mana-mana Ahli Keluarga atau Penghuni Rumah Anda. <p>Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian ditinggalkan tanpa</p>

	<p>penghuni selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari secara terus menerus dalam mana-mana satu Tempoh Insurans, perlindungan ini akan diberhentikan sementara kecuali telah dipersetujui oleh Kami melalui Pengendorsan.</p>
Manfaat Pilihan No. 5B – Perluasan untuk melindungi kecurian termasuk oleh pembantu rumah domestik	
<p>Kejadian yang Dilindungi No. 6 kini dibaca seperti berikut:</p> <p>Kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri termasuk kecurian oleh pembantu rumah domestik Orang Yang Diinsuranskan.</p> <p>Untuk isi kandungan rumah yang dialihkan sementara, kecurian hanya dilindungi:</p> <p>i) di mana-mana bank, peti simpanan keselamatan atau kediaman persendirian yang dihuni;</p> <p>ii) di dalam mana-mana bangunan di mana Anda atau mana-mana Ahli Keluarga Anda menghuni;</p> <p>iii) di dalam proses pengalihan dari atau ke mana-mana bank atau peti simpanan semasa di dalam tanggungan Anda, salah seorang Ahli Keluarga Anda atau seseorang yang telah diberi kuasa.</p> <p>Untuk harta yang dialihkan sementara ke tempat lain selain i), ii) dan iii) di atas, isi kandungan rumah hanya akan Dilindungi terhadap kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri sekiranya kecurian tersebut disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> (a) Jika bangunan atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewa atau disewa semula. (b) Kecurian dari mana-mana bangunan luaran yang bukan secara langsung bersambung dengan rumah kediaman persendirian atau rumah pangsa/pangsapuri/kondominium persendirian. (c) Kecurian harta pembantu rumah selain daripada rumah kediaman persendirian Anda atau rumah pangsa/pangsapuri/ kondominium persendirian. <p>KECUALI disertai dengan pemecahan masuk atau keluar secara kasar dan ganas daripada bangunan.</p> <ol style="list-style-type: none"> Kecurian dari Tempat Terbuka. 1% yang pertama daripada Jumlah Yang Diinsuranskan atau RM250.00, yang mana lebih rendah. Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian ditinggalkan tanpa penghuni selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari secara terus menerus dalam mana-mana satu Tempoh Insurans, perlindungan ini akan diberhentikan sementara kecuali telah dipersetujui oleh Kami melalui Pengendorsan.

Digunapakai Untuk Bangunan dan/atau Isi Kandungan Rumah

Manfaat Pilihan No. 6 – Kenaikan had gantirugi tambahan di bawah Manfaat Tambahan E – Insurans Sewa	
Apa Yang Dilindungi	Apa Yang Tidak Dilindungi
Had liabiliti di bawah Manfaat Tambahan E – Insurans Sewa dinaikkan kepada..... () peratus daripada Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan Rumah.	
Manfaat Pilihan No. 7 – Kenaikan had gantirugi di bawah Manfaat Tambahan F - Liabiliti kepada Awam	
Had liabiliti di bawah Manfaat Tambahan F - Liabiliti kepada Awam dinaikkan kepada RM..... untuk mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan yang merupakan satu Kejadian .	
Manfaat Pilihan No. 8 – Perluasan perlindungan terhadap Rusuhan, Mogok dan Niat Jahat	
<p>Insurans ini diperluaskan untuk melindungi Rusuhan, Mogok, Niat Jahat.</p> <p>Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang Dilindungi yang disebabkan secara langsung oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan atau tidak dengan mogok atau sekat-masuk) yang bukan Kejadian yang disebut di dalam butiran (a), (b) dan (c) dibawah bahagian “Apa yang Tidak Dilindungi” dari peluasan ini. Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang mana-mana kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut. Perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk. Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang apa-apa tindakan sedemikian atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut. Perbuatan niat jahat oleh mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa berlakunya kekacauan ketenteraman awam atau pun tidak) samada perbuatan sedemikian tidak bermaksud atau mempunyai kaitan dengan Kejadian yang disebutkan di dalam butiran a), b) dan c) dibawah bahagian “Apa yang Tidak Dilindungi” dari peluasan ini. <p>Purata</p>	<p>Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, dari mana-mana Kejadian berikut, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara. Dahagi, kekacauan awam yang boleh dianggap menghampiri tahap kebangkitan awam, kebangkitan ketenteraan, insureksi, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasan kuasa. Sebarang tindakan keganasan. <p>Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam yang berada di dalam ketakutan.</p> <p>Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila Kami mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan dalam Syarat ini, apa-apa kerugian atau kerosakan adalah tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi, adalah</p>

<p>Sekiranya harta yang Dilindungi, pada ketika berlakunya kebakaran atau semasa bemulanya apa-apa kemusnahan atau kerosakan ke atas harta tersebut oleh mana-mana peril lain yang Dilindungi di bawah perluasan ini secara kolektifnya mempunyai nilai yang lebih besar daripada Jumlah Yang Diinsuranskan ke atasnya, maka, Anda hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian yang setimpal daripada jumlah kerugian. Keadaan ini akan diguna pakai secara berasingan untuk setiap butiran yang Dilindungi.</p> <p>Tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma dalam Polisi.</p>	<p>bergantung kepada Anda</p> <p>d) Berkaitan dengan perbuatan niat jahat, Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan oleh kebakaran atau letupan mahupun kerugian atau kerosakan akibat daripada pecah masuk, pecah rumah kecurian atau larceni atau ancaman daripada mana-mana orang yang mengambil bahagian.</p> <p>e) Kerugian pendapatan, kerugian akibat kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain kerugian turutan atau kerosakan secara turutan atau dalam apa jua jenis/perihal sekalipun.</p> <p>f) Kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian atau memperlambatkan atau gangguan atau pemberhentian mana-mana proses atau operasi.</p> <p>g) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.</p> <p>h) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana bangunan yang berpunca daripada pendudukan secara tidak sah oleh mana-mana orang ke atas bangunan tersebut.</p> <p>Untuk g) atau h) di atas, liabiliti Kami terhadap Anda tidak akan dilepaskan terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang Dilindungi yang berlaku sebelum kehilangan atau dalam tempoh kehilangan sementara.</p>
<p align="center">Manfaat Pilihan No. 9 – Perluasan untuk melindungi Penenggelaman dan Gelinciran Tanah</p>	
<p>Insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan terhadap harta yang Dilindungi yang disebabkan oleh:</p> <p>i) penenggelaman dan/atau lonjakan tapak tanah bangunan yang didirikan atau tanah kepunyaannya; atau</p> <p>ii) gelinciran tanah.</p> <p>Tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma dalam Polisi.</p>	<p>Kami tidak akan membayar kerugian atau kerosakan:</p> <p>a) Ke atas kolam renang, teres, patio, laluan kenderaan, laluan pejalan kaki, dinding, pintu pagar dan pagar kecuali bangunan, bahagian lain yang terpisah daripadanya atau garaj yang dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama;</p> <p>b) Ke atas atau yang berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran bangunan yang rosak oleh sebab yang sama dan dalam waktu yang sama;</p> <p>c) Akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hakisan pantai atau sungai; • Perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembaikan struktur; • Kecacatan pada rekabentuk atau pembinaan asas yang tidak sepadan. <p>d) Manfaat Pilihan ini adalah tertakluk kepada Lebihan berikut dan ia digunapakai untuk setiap kerugian.</p> <p>5% dari jumlah keseluruhan Dilindungi atau RM25,000.00 mengikut yang lebih rendah, seperti yang ditetapkan setelah mengambil kira syarat-syarat purata.</p>

Nota: Insurans ini boleh diperluaskan untuk melindungi butiran a) dalam Manfaat Pilihan ini dengan bayaran Premium tambahan berdasarkan Jumlah yang Diinsuranskan yang berasingan.

KENYATAAN MAKLUMAT POLISI

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:

Etiqa General Insurance Berhad
Level 13, Tower B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etiqa Online: 1300 13 8888
E-mel: info@etiqa.com.my
Laman Web: www.etiqa.com.my

3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Polisi ini, sila hubungi Bantuan Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etiqa General Insurance Berhad
Level 6, Tower B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
Nombor Faksimile: +603 2297 1919
E-mel: complaint_cmu@etiqa.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada ahli di kalangan orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA OPK

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan, sekiranya Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa General Insurance Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa General Insurance Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:

E-mel: enquiry@ofs.org.my
atau
Nombor Faksimile: +603 2272 1577
atau
Alamat Pos:

Ketua Pegawai Eksekutif
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Insurans Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.

OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa General Insurance Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan.

Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etiqa General Insurance Berhad atau layari laman web OPK di www.ofs.org.my.

Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut seksyen 126 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa General Insurance Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Orang Yang Diinsuranskan atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian oleh sesebuah Syarikat Insurans boleh menulis kepada BNMLINK dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Syarikat Insurans dan nombor Polisi atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyerut (sekiranya ada) antara Orang Yang Diinsuranskan atau Pihak Menuntut dan Syarikat Insurans juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Syarikat Insurans.

Alamat surat menyerut adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: 1300 88 5465
Nombor Faksimile: +603 2174 1515
E-mel: bnmlink@bnm.gov.my